

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu petani dan pekebun kecil bagi merencanakan kembali hasil tanaman serta pendapatan mereka yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Tidak dapat dinafikan bahawa industri agromakanan telah menghadapi cabaran besar ketika peringkat awal penularan wabak COVID-19 di mana kelancaran rantai makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab telah memastikan keadaan sentiasa terkawal dan rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi.
2. Aktiviti pertanian telah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting negara (*essential services*) dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa PKP dari peringkat awal bagi memastikan keperluan

asas makanan orang ramai dan kepentingan kumpulan sasar ini terus terjamin.

**Tuan Yang Dipertua,**

3. Bagi mengurangkan isu lambakan hasil pertanian dan meminimumkan kerugian yang dialami, Kementerian melalui jabatan dan agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan Program Pasar Segar Terkawal (PST). Pelaksanaan PST semasa PKP ini adalah signifikan bagi memastikan bekalan makanan negara stabil dan berterusan.

4. Bagi memastikan aktiviti petani, pekebun, penternak, nelayan dan usahawan tani tidak terjejas oleh COVID-19, MAFI melalui PRE, PRIHATIN dan PENJANA akan melaksanakan 36 inisiatif bagi merencanakan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

5. Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui insentif / subsidi, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan pembekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.

6. Di bawah PENJANA, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan tiga (3) inisiatif khusus seperti berikut:

- i. Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5% untuk tempoh 5 tahun;
- ii. Program Kebuniti atau Berkebum secara berkuniti di bandar dan luar bandar, berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50,000 untuk komuniti; dan
- iii. Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan.

7. Keseluruhan program / projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE (termasuk projek infrastruktur dengan peruntukan RM50 juta), PRIHATIN dan PENJANA bernilai RM640 juta sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan / agensi di bawah MAFI.

8. Kementerian berharap agar inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas ini dapat membantu meringankan bebanan kumpulan sasar yang terkesan akibat COVID-19 malahan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing bagi merencanakan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara serta memastikan sekuriti makanan terus terjamin sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.